

PAMERAN EKSPLO HARTA INTELEK NEGARA

**Oleh: Ragnathan Santiagoo
Pensyarah**

Pada 26 hingga 29 April 2007, PPKAS telah diberi kepercayaan untuk mewakili UniMAP ke Pameran Ekspo Hari Harta Intelek yang telah berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center, Kuala Lumpur. Pameran ini adalah sebahagian daripada Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2007 yang bertemakan 'Harta Intelek – Penjana Ekonomi Masakini'. Dua produk penyelidikan penyelidik-penyelidik PPKAS tersebut adalah 'SphagSorb: Biodegradable Oil and Grease Adsorbent' dan 'Palm-Composite From Palm Waste'.

Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2007 ini telah dikelolakan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Ia diadakan dengan objektif untuk memartabatkan sistem harta intelek agar lebih produktif, berwawasan, berdaya saing dan bertaraf antarabangsa serta memupuk budaya kreatif dan menghormati hak harta intelek negara di kalangan masyarakat Malaysia. Pelancaran hari sambutan ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada hari kedua pameran berlangsung.

Sebanyak 181 kiosk disediakan untuk pameran rekaan dan barangan yang berkaitan harta intelek. Para peserta pameran ini terdiri daripada sektor korporat, pemenang-pemenang anugerah rekacipta dan institusi-institusi pengajian tinggi dan juga penyelidikan. Sambutan yang amat menggalakkan telah diterima daripada pelbagai lapisan masyarakat sepanjang tempoh pameran berlangsung. Beberapa pihak daripada sektor korporat telah mezhahirkan minat untuk menjalin usahasama berbentuk pembangunan dan pengkomersialan produk-produk penyelidikan PPKAS yang dipamerkan. Penyelidik-penyelidik PPKAS juga telah memanfaatkan kesempatan ini untuk berinteraksi dengan penyelidik-penyelidik dari serata negara untuk meninjau sebarang peluang bekerjasama di masa hadapan.